

# UNDANG- UNDANG SEDIA ADA BERKAITAN WAKAF DI MALAYSIA

Prof Madya To Puan DR NOR ASIAH binti  
MOHAMAD

Timbalan Dekan, Pengajian Pasca Siswazah,  
Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim,  
IIUM

[nasiahm@iium.edu.my](mailto:nasiahm@iium.edu.my)

Nor Asiah Mohamad, Simposium Wakaf P.  
Penang, 25Nov 2019, Royale Chulan.

# Objektif Pembentangan

## Objektif Pembentangan

Mengetahui sumber-sumber perundangan Wakaf di Malaysia;

Menganalisa kekuatan dan kekurangan perundangan yang ada; permasalahan perundangan tanah Wakaf

Mencadangkan penambahbaikan samada dalam bentuk pindaan undang-undang atau penambahbaikan Polisi dan perubahan sikap serta minda

# Wakaf : dulu dan sekarang

- Sejauhmana pentingnya ‘wakaf’;
- Siapa boleh berwakaf? Islam atau bukan Islam
- Untuk siapa Wakaf? Islam, bukan Islam, Binatang?
- Banyakkah harta Wakaf?
- Hebatkan Wakaf! - Wakaf Ahmad Dawjee, Wakaf Seetee Aisah, Wakaf Saydina Uthman, Wakaf di Singapura, Wakaf di Turki, Wakaf di Morocco, Wakaf Acheh di Penang dan Mekah..
- Wakaf Raja-Raja, Pembesar-Pembesar dan Keluarga mereka
- Wakaf (endowmen) di Merton College, Oxford UK

# Undang Undang: Dulu dan Sekarang

- Dulu – Sudah ada sistem yang terpakai contohnya Sistem Tanah Adat, mana ada masjid maka disitu ada wakaf..mana ada kubur, ada wakaf...Kerajaan Kedah tua, Kerajaan Melaka
- Pentadbiran Agama Islam dulu : mudah dan tidak banyak campurtangan; Qadhi, Ketua Kampung
- Perubahan berlaku dengan kedatangan penjajah
- Agenda menerapkan undang-undang amanah Inggeris, tanah berdaftar dan cukai tanah
- Kesannya – Kes wakaf ke mahkamah sivil, didengar oleh hakim sivil (inggeris),mengguna pakai konsep undang-undang Inggeris, mengenepikan fatwa, menghapuskan wakaf ahli atau wakaf keluarga,menghadkan tempoh wakaf, menyamakan wakaf dengan ‘amanah’ inggeris, menidakkan amalan kebajikan kekal untuk keluarga sahaja dsbg.

# Sekarang - Sumber Perundangan Wakaf

- Hukum Syarak (Quran dan Hadis)
- Perlembagaan Malaysia
- Enakmen dan Akta-
  - Enakmen Wakaf Negeri
  - Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri
- Enakmen yang Berkaitan – Kanun Tanah Negara, Akta Undang-Undang Sivil 1956, Akta Pengambilan Tanah, Akta Kerajaan Tempatan, Akta Saliran dan Perparitan, Akta Cukai dll
- Fatwa-fatwa (rujukan walau tidak terikat)
- Keputusan Majlis Penasihat Kewangan Syariah
- Keputusan-Keputusan Mahkamah Syariah dan Sivil
- Pandangan Ulamak

# Hukum Syarak

- Al Quran – ayat tentang Sadaqah dan sadaqah jariah
- Tiada perkataan khusus ‘wakaf’
- Hadith – menerangkan sifat, syarat dan rukun wakaf
- Contoh - Hadith Saidina Umar – melahirkan banyak prinsip2 wakaf, mesti kekal, tidak boleh dibatalkan dan tidak boleh diwarisi, mewakaf harta terbaik, boleh ambil sedikit hasil wakaf untuk gaji, boleh mengendalikan sendiri harta wakaf, wanita boleh diangkat pentadbir sbg, wakaf untuk keluarga dan fakir miskin dll

# Perbincangan

Isu-isu	Undang-Undang	Impak
Bahasa – wakoff, wakaf, sedekah, derma, derma kekal, endowmen	Undang-undang Wakaf, Undang-Undang Amanah	Wakaf Hindu?
Undang-Undang belum menyeluruh, tidak seragam, kurang berkembang	Enakmen Pentadbiran Negeri (hanya beberapa peruntukan) Enakmen Wakaf (belum mencukupi, wakaf berkembang dan bersinergi)	Kesan  Amalan wakaf terikat kepada undang-undang lain
Pertindihan Bidang Kuasa Mahkamah  Pihak bukan Islam?	Per 121A –masih diperbincangkan	Remedi atau perkara (subject matter)
Tiada dalil Quran yang jelas – ijtihadi -Fatwa	Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Enakmen Wakaf     Nor Asiah Mohamad, Simposium Wakaf P. Pinang, 25Nov 2019, Royale Chulan.	Proses  Fatwa kena gazet, Fatwa tidak mengikat, Fatwa dicabar.....  Kena ada Kaedah-Kaedah Wakaf untuk penditilan spt Johor

# Perbincangan

Isu	Undang-Undang	Kesan
MAIN bersifat mengawal	Enakmen Pentadbiran , Enakmen Wakaf, - Majlis Agama Islam Sebagai <b>Pemegang Amanah Tunggal</b>	Wakaf lambat berkembang  Hukuman menjaga & mengurus harta wakaf tanpa kebenaran (denda atau penjara atau dua2)
Wakaf Ahli (keluarga) kena minta kebenaran Wakaf Ahli dianggap batal	Enakmen Pentadbiran , Enakmen Wakaf Akta Wakaf Labuan	Kurang berkembang Banyak isu

# Sambungan

Istilah dan konsep baru belum diterokai Wakaf bertempoh Wakaf Irsod Wakaf Perkhidmatan Wakaf harta Intelek Wakaf Mushtarak	Enakmen Wakaf telah memperkenalkannya	Perkembangan perlahan kerana kurang dinamika, kefahaman, kepakaran, bajet  Solusi- penswastaan; Kerjasama strategic (JV)
Bank Wakaf – bolehkah diwujudkan di Malaysia?	Wakaf mesti patuh Syariah sedangkan masih ada pihak yang meragui ke ‘syar’iyyan’ bank kita. (Islamic window) -	Solusi – tubuh satu gagasan ‘ala bank’ ? Seperti TH untuk urus, jana, duit Wakaf umat Islam, Inisiatif Global – untuk membantu negara di mana orang Islam adalah minoriti

# Kesimpulan dan Saranan

- Sejarah menunjukkan usaha-usaha untuk mengurangkan peranan insitusi wakaf di seluruh negara Islam, Mesir, Morocco, Malaysia, India berlaku melalui platform perundangan samada akta, mahkamah dan polisi bagi memberi penguasaan kepada penjajah, dari segi penguasaan tanah, kuasa pungutan cukai, pengekalan kuasa politik dsbg.
- Undang-Undang digunakan sebagai satu strategi dan kesannya dilihat hingga ke hari ini. Undang-undang ditafsirkan sebagai halangan besar kepada perkembangan institusi wakaf di Malaysia;
- Salah faham kuasa Mutawalli melahirkan ‘red-tape’ dalam pengurusan, pengurusan wakaf yang bersifat sentris, dan memerlukan kepada **perubahan minda dan pendekatan**
- Urustadbir telus dan amanah perlu dalam pengurusan wakaf diperkasakan dengan teknologi, audit dan perundangan.
- Kuasa negeri terhadap wakaf harus dikekalkan. Penambahbaikan hanya perlu kepada undang-undang yang jelas dan perubahan minda; Kuasa negeri terhadap tanah kekal tetapi pentadbiran lebih telus dan sama (standardised) dengan kewujudan Kanun Tanah Negara (Akta Tanah Wakaf? )

# Kesimpulan & Cadangan

- Undang-Undang sedia ada masih belum komprehensif tidak setanding perkembangan wakaf yang begitu pesat;
- Institusi fatwa harus berperanan membantu kepesatan Institusi Wakaf dan diberi pengiktirafan sewajar spt keputusan Penasihat Syariah terpakai kepada institusi Islam.
- Undang-undang harus dibuat - Kaedah-kaedah Wakaf yang lebih berbentuk prosedur; Undang2 Tanah Wakaf
- Undang-Undang untuk Salahguna Wakaf dan Mengurus Wakaf tanpa wakalah diperketatkan

# Cadangan

- Penyelesaian secara Suhu (mediasi) dan Tribunal lebih melambangkan ruh wakaf terutamanya wakaf keluarga;
- Kefahaman sangat penting – mula dengan silibus di sekolah, kursus untuk pegawai (pemegang taruh) yang berkaitan (cukai, pejabat tanah, kewangan, guru)
- Mula dari Kesedaran pihak yang Berwajib
- Tindakan .....

# Wallahu A'lam dan Syukran Jazilan